



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



MEMAHAMI FAKTOR PENYUMBANG STRES DALAM
KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH ORANG ASLI
KAUM SENOI DI SUNGAI SIPUT

*UNDERSTANDING STRESS CONTRIBUTING FACTORS AMONG SENOI
INDIGENOUS PRESCHOOL CHILDREN IN SUNGAI SIPUT*

Fauziah Md Jaafar¹, Nor Aimi Harun²

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara, Malaysia

Email: mjfauziah@uum.edu.my

² Jabatan Pendidikan Awal Kanak Kanak, IPG Kampus Sultan Abdul Halim

Email: aimyallyia@yahoo.com.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.04.2022

Revised date: 20.05.2022

Accepted date: 10.06.2022

Published date: 15.06.2022

To cite this document:

Md Jaafar, F., & Harun, N. A. (2022). Memahami Faktor Penyumbang Stres Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah Orang Asli Kaum Senoi Di Sungai Siput. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 320-326.

DOI: 10.35631/IJEPC.746025

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk memahami faktor penyumbang stres dalam kalangan kanak-kanak prasekolah orang asli. Stres yang berlaku diperingkat awal kanak-kanak boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan pembelajaran kanak-kanak orang asli. Sampel kajian merupakan seorang kanak-kanak prasekolah orang asli telah dipilih berdasarkan skor 73 mata dalam pengukuran stres *Child and Adolescent of Experiences* (CASE). Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah kajian kes kualitatif dan instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Perisian Nvivo telah digunakan bagi membantu proses analisis data yang lebih pantas dan sistematik. Dapatan kajian menunjukkan faktor sekolah sebagai penyumbang stres kepada kanak-kanak prasekolah orang asli. Berdasarkan itu, usaha yang lebih konkrit perlu digerakkan oleh pihak pengurusan sekolah untuk membantu kepada perkembangan aspek psikologikal dan emosi kanak-kanak terbabit.

Kata Kunci:

Kesihatan Mental, Orang Asli, Prasekolah, Psikologikal, Stres

Abstract:

This study aims to identify the factors contributing to stress among indigenous preschool children. The subjects of the study consisted of an Orang Asli pre-school child who had been diagnosed with stress at 73 points based on the Child

and Adolescent of Experiences (CASE) stress test. The design of a qualitative of case studies has been used in interviewing, observing and analyzing documents as a data collection instrument. Nvivo software is used as a tool to assist in the process of data transcription analysis. The findings show that school factors contributors to stress on indigenous preschool children involved in this study. However, efforts must be mobilized by the school to help indigenous children involved in the psychological and emotional aspects of developing in education.

Keywords:

Aboriginal, Stress, Preschool

Introduction

Persatuan Psikiatri Amerika-APA mentakrifkan stres sebagai salah satu simptom kesihatan mental secara klinikal yang melibatkan aspek tingkah laku atau psikologi (Videbeck, 2011). Masalah stres dalam dunia pendidikan menjadi suatu fenomena apabila berlaku kejadian membunuh diri yang kerap dilaporkan dalam media massa akibat dari tekanan yang dihadapi (Fong, 2018). Fenomena tersebut dikukuhkan lagi berdasarkan statistik kajian rintis Program Minda Sihat Menangani Stres yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Kementerian Kesihatan Malaysia (2011) yang menunjukkan sebanyak 17.1 peratus murid-murid sekolah mengalami tanda-tanda keresahan yang teruk, manakala 5.2 peratus dari murid-murid yang terlibat mengalami kemurungan yang teruk dan 4.8 peratus murid didapati mengalami masalah stres yang teruk.

Perangkaan tersebut telah menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil tindakan dengan mengeluarkan satu surat siaran 'Garis Panduan Perlaksanaan Program Minda Sihat- Menangani Tekanan Emosi (Stres) Dalam Kalangan Murid Di Sekolah'. Program tersebut sebagai satu langkah kawalan awal untuk menangani stres dalam kalangan murid-murid di negara ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Namun, langkah kawalan yang diambil Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), bagi menangani stres dalam kalangan murid-murid di negara ini kurang mencapai objektif berdasarkan dapatan Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) (2019) yang masih menunjukkan corak peningkatan kesihatan mental (stres) sehingga ke paras 424,000 orang. Kajian NHMS (2019) turut mendedahkan bahawa 8.8 peratus kanak-kanak luar bandar turut mengalami kesihatan mental, namun kajian tersebut tidak melibatkan kanak-kanak prasekolah orang asli di pedalaman. Keadaan ini menyebabkan wujud kelompangan dalam mengidentifikasi masalah kesihatan mental kanak-kanak orang asli di negara ini.

Lee Lam Thye, (2018), telah mengingatkan bahawa masalah kesihatan mental stres yang berlaku terhadap kanak-kanak harus dipandang serius kerana simptom tersebut memberi kesan jangka panjang yang kritikal terhadap perkembangan sosio emosi dalam tempoh tumbesaran mereka. Ini bertepatan dengan dapatan Jayakumar dan Sulthan (2013) bahawa stres memberi kesan kesihatan jangka pendek dan jangka panjang seperti peningkatan kadar denyutan jantung, penurunan terhadap sistem ketahanan badan (*immune system*), kanser, moody, hilang penumpuan, masalah kemurungan dan sebagainya. Keadaan ini sesuatu yang menggusarkan kerana impak stres terhadap kanak-kanak boleh mengganggu perkembangan kesihatan psikologi dan fisiologi (Kim.et.al, 2022).

Kajian Literatur

Masalah stres merupakan suatu yang bersifat universal dan dialami oleh setiap individu. Hal ini terbukti berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana tempatan dalam bidang psikologi stres melibatkan sekolah menengah dan rendah. Kajian stres yang melibatkan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah telah dikupas dari pelbagai aspek melibatkan kawasan urban dan pinggir urba (Norly, 2010; Nor, 2011; Puvarasi, 2013; Tajulashikin, Fazura & Mohd Burhan, 2013). Data dari NHMS (2019) turut membuktikan bahawa kanak-kanak luar bandar tidak terkecuali dari masalah kesihatan mental. Dapatan dengan data yang menunjukkan sebanyak 8.8 peratus kanak-kanak luar bandar mengalami kesihatan mental. Walau pun agak sukar untuk memahami pengaruh stres dalam kalangan kanak-kanak orang asli, namun kajian Nor Aimi (2020) telah memberi isyarat jelas bahawa kanak-kanak di Malaysia secara am sedang terdedah dengan ancaman stres.

Berbeza dengan penyelidik luar negara yang telah lama meneroka kajian stres melibatkan kanak-kanak di pendalaman orang asli. Fokus kajian yang dijalankan oleh penyelidik luar banyak berkisar tentang masalah terpinggir dari urbanisasi, isu tanah, politik, ekonomi dan diskriminasi yang dihadapi oleh kanak-kanak minoriti orang asli (Carter, 2007; Nola, Buckley & Sarah, 2010; Dobia & O'Rourke, 2011). Sebagai contoh, kajian Carter (2007) membuktikan kanak-kanak orang asli di Amerika mengalami stres disebabkan layanan diskriminasi, keperluan penjagaan kesihatan yang terhad dan tekanan sosial. Dapatan Purdie dan Buckley (2010) pula menunjukkan stres memberi kesan terhadap perkembangan pembelajaran kanak-kanak prasekolah orang asli di pendalaman Australia. Oleh itu, terdapat kepentingan kajian untuk meneroka masalah stres yang dihadapi oleh kanak-kanak prasekolah orang asli yang tinggal di pendalaman Malaysia. Kajian kualitatif bertujuan memahami faktor penyumbang stres dalam kalangan kanak-kanak prasekolah orang asli.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian adalah kualitatif berdasarkan keperluan kajian untuk memahami fenomena stres melalui perspektif peserta kajian (*participant views*) dalam persekitaran semula jadi (*natural setting*) (Creswell, 2013). Reka bentuk ini bertepatan dengan keperluan kajian berdasarkan pandangan Braun dan Clarke (2013), bahawa kajian kualitatif adalah bersifat induktif, iaitu berkembang daripada satu persoalan yang kecil kepada memahami suatu fenomena dalam persekitaran semula jadi dari perspektif peserta kajian (*participant views*). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka secara mendalam (*in-depth*) fenomena stres dalam kalangan kanak-kanak orang asli dalam suatu situasi di persekitaran kehidupan yang semula jadi (O'Leary, 2004).

Sampel yang digunakan dalam kajian ini berbentuk sampel bertujuan (*purposeful sampling*) berdasarkan keperluan kajian (*specific purpose*), (Cohen, Manion, Morrison, 2007). Sampel primer kajian adalah seorang kanak-kanak prasekolah orang asli telah mencapai skor di tahap 73 mata berdasarkan pengukuran stres *Child and Adolescent of Experiences* (CASE). Skor 73 mata yang diperoleh menunjukkan sampel mengalami stres di tahap sederhana tetapi sedang meningkat dan memerlukan nasihat pakar.

Instrumen pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual, pemerhatian dan dokumen. Penggunaan instrumen tersebut amat bertepatan dengan penyelidikan berbentuk kajian kes bagi memahami masalah dalam sesuatu fenomena (Creswell, 2013). Maklumat yang diperolehi dari aktiviti pengumpulan data adalah bersifat sulit, dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan berdasarkan kepada persetujuan responden. Perisian Nvivo telah

digunakan untuk membantu proses analisis data dari instrumen temu bual, pemerhatian, dan rujukan dokumen serta memudahkan kerja-kerja penyimpanan data.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian telah mengenal pasti faktor sekolah sebagai penyumbang stres dalam kalangan kanak-kanak prasekolah orang asli. Faktor sekolah tersebut merujuk kepada kebimbangan sosial yang berlaku apabila individu yang terlibat dalam persekitaran tersebut merasakan tidak selamat dan menekan. Ia melibatkan hubungan sosial responden yang negatif dengan persekitaran sekolah seperti sistem sekolah, pentadbir, guru yang menekan.

Berdasarkan temu bual, responden mengakui berasa takut dan tidak suka untuk pergi ke sekolah. Dapatan ini terbukti melalui gesture tubuh dan aksi menggelengkan kepala apabila diajukan soalan mengenai sekolah dan sesi pembelajaran. Terdapat tiga aspek penolakan sekolah yang dinyatakan oleh responden iaitu berasa takut dengan sikap guru yang garang, pembelajaran yang tidak menyeronokkan dan kerja (tugasan PdP) yang banyak. Dapatan tersebut disokong oleh ibu bapa kanak-kanak terbabit dengan mengatakan responden sering mengadu bahawa persekitaran sekolah yang negatif seperti guru garang dan seringkali memberi hukuman apabila gagal menjawab soalan dengan betul.

Dapatan persekitaran sekolah menjadi salah satu punca stres terhadap responden apabila institusi tersebut terlalu menekankan kepada pencapaian prestasi bagi semua tahap termasuk di peringkat prasekolah. Keadaan ini terbukti berdasarkan pemilihan sekolah tersebut sebagai satu-satunya projek rintis sekolah 'Abad 21' dan turut terpilih sebagai kelas prasekolah rintis bagi program "FLIP" Negeri P. Pemilihan sekolah tersebut dalam dua program besar JPN Negeri P telah mendorong pihak pentadbir sekolah menetapkan sasaran keperluan pencapaian rekod prestasi yang tinggi melalui *Key Performance Indicators* (KPI) terhadap guru prasekolah untuk mencapai sasaran sifar masalah 3M (menulis, membaca dan mengira). Keadaan ini dapat dilihat dari pengakuan guru prasekolah bahawa beliau terpaksa memberi penekanan kepada pencapaian murid dalam kemahiran terbabit bagi memenuhi KPI yang disasarkan oleh pentadbir.

*GB pun nak laporan yang terbaik..kita kena push budak laa..
kita tension,..budak pun tension...ia la, kita pun kena push budak, kalau tidak GB
tanya pulak..*

Keadaan ini ditambah lagi dengan reputasi guru prasekolah yang telah dilantik sebagai 'Jurulatih Utama (JU)' program 'FLIP' bagi sekolah-sekolah orang asli seluruh Negeri P. Keadaan ini menjadikan penekanan terhadap pencapaian akademik yang cemerlang amat diutamakan bagi semua murid-murid prasekolah orang asli di kelas tersebut.

*Tu yang kita orang tekan jugak tu..kalau tidak macam mana, nanti naik
darjah satu, kelas atas,..tak boleh apa,..mengamuk GB'
..haru..mengamuk GB,..malu la,..orang JPN datang,..kan ke haru jadinya...depa nak
tengok yang ok jer..*

Keadaan ini memberi tekanan kepada responden apabila seringkali menerima hukuman dan desakan dari pihak guru apabila gagal menjawab sesuatu tugasan PdP. Tekanan tersebut diakui oleh responden bahawa beliau amat takut dengan guru yang sering mengenakan hukuman terhadap kesalahan dalam aktiviti pembelajaran seperti cubit, pukul dan serangan verbal.

Tringulasi temu bual dijalankan terhadap PPM juga menunjukkan corak dapatan yang selari dengan pengakuan responden.

Keadaan ini menjadikan responden merasa tidak selamat (*insecure*) dan telah melakukan pelbagai cubaan untuk tidak hadir ke sekolah. Menurut ibu bapa, responden sering melakukan tindakan penolakan untuk pergi ke sekolah dengan memberikan pelbagai alasan seperti pakaian kotor dan masalah kesihatan.

..dia tak nak pergi sekolah...banyak alasan, baju kotor la, demam la..kita tahu dia tipu...

Dalam kajian ini, pusingan penekanan kepada pencapaian akademik di sekolah telah menimbulkan stres kepada responden berdasarkan tingkah laku yang telah dikenal pasti. Hal ini telah memberi justifikasi yang kukuh bahawa sekolah menjadi faktor penyumbang stres terhadap kanak-kanak prasekolah orang asli berdasarkan Jadual 1.0.

Jadual 1.0 : Faktor Stres

PERKARA	BIL	HURAIAN
Tiga faktor stres	1.	Guru yang garang
	2.	Hukuman fizikal dan verbal
	3.	Tugasan PdP yang banyak

Dapatan kajian membuktikan institusi sekolah menjadi faktor penyumbang stres dalam kalangan kanak-kanak prasekolah orang asli. Penekanan kepada penguasaan akademik secara konvensional tanpa dibina melalui kaedah pdp yang menyeronokkan telah menimbulkan tekanan kepada kanak-kanak orang asli kaum Senoi. Penetapan KPI yang terlalu rigid oleh pihak pentadbir terhadap guru turut melengkapkan pusingan penyumbang stres kepada kanak-kanak prasekolah orang asli. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan Jadual 2.0.

Jadual 2.0: Faktor Penyumbang Stres

PERKARA	BIL	HURAIAN
Sekolah sebagai faktor penyumbang stres	1.	Penekanan kepada penguasaan akademik secara konvensional
	2.	Kaedah PdP yang tidak menyeronokkan.
	3.	Penetapan <i>Key Performance Indicators</i> (KPI) yang terlalu rigid oleh pihak pentadbir

Keadaan ini mendapat kritikan dari Akhter, Sarkar, Kibria dan Das (2012), bahawa prasekolah seharusnya menjadi tempat yang signifikan untuk perkembangan pendidikan yang menyeronokkan, namun persekitaran yang mementingkan kepada pencapaian peperiksaan akan mewujudkan perasaan tertekan dalam kalangan murid-murid, dan akhirnya menyebabkan mereka menjauhi persekitaran sekolah. Hubungan yang negatif dengan persekitaran sekolah menimbulkan perasaan kecewa dan seterusnya mewujudkan masalah psikologi dalam kalangan

kanak-kanak prasekolah. Selain itu, Baier (2016) turut bersetuju bahawa faktor sekolah turut menjadi penyumbang stres kepada murid-murid apabila pihak pentadbiran sekolah terlalu menekankan kepada pencapaian akademik secara total tanpa memberi ruang kompromi dalam pembelajaran melalui bermain.

Kesimpulan

Walaupun dapatan menunjukkan bahawa faktor sekolah merupakan penyumbang stres dalam kalangan kanak-kanak prasekolah orang asli, namun usaha-usaha perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengawal dan membantu kanak-kanak terbabit dari aspek psikologi dan emosi bagi membantu perkembangan potensi pembelajaran mereka. Bentuk pentaksiran yang lebih fleksibel dan menarik harus segera dikenal pasti bagi membendung masalah stres. Justeru Kementerian Kesihatan Malaysia, (2020) telah merangka *National Strategic Plan For Mental Health 2020-2025* untuk berhadapan dengan masalah tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia, (2020) meletakkan harapan yang tinggi agar masalah kesihatan stres ini dapat dikawal dengan sebaiknya agar peningkatan masalah kesihatan mental stres sekitar 29.5 peratus dalam kalangan kanak-kanak dan remaja dapat dikurangkan. Pengurangan angka masalah stres dalam kalangan murid amat signifikan bagi perkembangan pendidikan mereka di masa depan.

Rujukan

- Akhter, M., Sarkar, R., Kibria, G. and Das, K. H. (2012). Transitioning from Home to ECCE Program, from ECCE Program/Home to Primary School. A Desk Review of Asia-Pacific Regional Network for Early Childhood. Bangladesh. Aga Khan Foundation Bangladesh.
- Baier, D. (2016). The school as an influencing faktor of truancy. *International Journal of Criminology and Sociology*. Vol.5. 191-202.
- Braun, V. & Clarke, V. (2013). *Successful qualitative research*. London: SAGE Publications.
- Carter, R. T. (2007). Assessing race-based traumatic stress racism and psychological and emotional injury: Recognizing. *The Counselling Psychologist*.vol.35.(1). 93-105.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education*. London and New York: Routledge Group.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating qualitative & quantitative*. New Jersey: Pearson Education.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design*. Thousand Oaks, California: SAGE Publications
- Dobia, B. & O' Rouke, V. G. (2011). *Promoting the mental health and wellbeing of Indigenous children in Australia primary schools*. Canberra: Commonwealth of Australia.
- Fariza Md. Sham. (2005). *Tekanan emosi remaja islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fong, F. (2018). Depressed student allegedly commits suicide in Seremban, cites academic stress. Retrieved from New Straits Times: <https://malaysia.yahoo.com/news/depressed-student-allegedly-commits-suicide-062236126.html>
- Jayakumar, D. S dan Sulthan. (2013). Stress symptoms: Structural equation modelling. *SCMS Journal of Indian Management*. Vol. 14 (-), 93-109.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *National Strategic Plan For Mental Health 2020-2025*, 2006. Kuala Lumpur: Mental Health, Injury Prevention and Violence and Substance Abuse Sector (MeSVIPP)

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). Garis panduan pelaksanaan minda sihat menangani tekanan emosi (stres) dalam kalangan murid sekolah di Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Garis Panduan pelaksanaan minda sihat menangani tekanan (stres) dalam kalangan murid di sekolah. Putra Jaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kim,J, Li,L, Korous.K.M, Valiente. C & Tsethlikai.M. (2022). Chronic stress predicts post-traumatic stress disorder symptoms via executive function deficits among urban American Indian children. *The International Journal on the Biology of Stress.* (Vol.25).97-104
- Lee Lam Thye. (2018). Segerakan pelaksanaan Pelan Strategik Kesihatan Mental Negara. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Morbidity dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS). (2016). Gejala sakit mental pelajar boleh cetus masalah kronik. Kuala Lumpur: Unit Komunikasi Koperat, Berita Harian.
- Morbidity dan kesihatan kebangsaan (NHMS) (2019). 424 pelajar Sekolah di Malaysia alami masalah kesihatan mental. Kuala Lumpur. Afterschool.
- Nor Aimi Harun & Fauziah Md Jaafar (2018). Stres dan simptom onychophagia dalam kalangan kanak-kanak prasekolah orang asli. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak Kanak Kebangsaan* (vol 7) (pg50-58)
- Nor Aimi Harun (2020). Stres dalam kalangan kanak-kanak prasekolah orang asli Kaum Senoi: *Kajian kes.Sintok, Universiti Utara Malaysia*
- Norly Jamil. (2010). Tingkah laku emosi kanak-kanak dan ekspresi emosi ibu bapa. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI* (pp. 1-11). Bandung, Indonesia: UPSI.
- O'Leary, Z. (2004). *The Essential Guide to doing research.* London: SAGE Publications.
- Paradise, Y. (2004). A review of the relationship between psychosocial stress and chronic disease for indigenous and African American people. Darwin: Cooperative Centre for Aboriginal Health.
- Purdie, Nola, Buckley & Sarah. (2010). School attendance and retention of indigenous Australian students. Australia: Australia Institut of Health and Welfare.
- Puvarasi Elamurugan. (2013). Hubungan stres dengan personaliti tingkahlaku devian dan daya coping di kalangan pelajar sekolah menengah Daerah Johor Baharu. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Tajulashikin Jumahat, Fazura Mohd Noor dan Mohd Burhan Ibrahim. (2013). Faktor-faktor penentu stres dalam kalangan guru: sekolah rendah mubaligh di Kuala Lumpur. *JuKu: Jurnal Kurikulum dan Pengajian Asia Pasifik.* Bil.1 (2), 1-11.
- Videbeck, S. L. (2011). *Psychiatric-mental health nursing: fifth edition.* China: Wolters Kluwer Health | Lippincott & Wilkins.